

## SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN PUKAT TUNDA DASAR LAUT ZON 2

---

1. Lesen ini ..... adalah untuk kapal pukot tunda.....yang dipunyai oleh .....  
lanya tidak boleh digunakan untuk kapal lain ataupun ditukar milik, dan lesen ini mestilah dibawa diatas kapal.
2. Kapal pukot tunda dasar laut zon 2 hendaklah berat kapal tidak melebihi 60 GT dan mempunyai kuasa enjin (hp) yang tidak melebihi daripada 350 kuasakuda.
3. Pengusaha atau pemilik kapal pukot tunda dasar laut adalah tidak dibenarkan menukar atau mengganti enjin atau badan kapal berkenaan sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Perikanan.
4. Kapal mestilah dilengkapi dengan alat-alat letronik iaitu radar, echosounder dan alat perhubungan radio VHF mestilah sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan.
5. Alat penangkapan ikan yang digunakan hanyalah yang tertulis didalam lesen untuk kapal itu sahaja iaitu pukot tunda.
6. Bilik pandu bahagian luar dan atap mestilah dicat dengan warna "orange ribbon 324 jenis cat Kangaroo" atau yang sebanding dengannya bagi kapal pukot tunda dasar laut yang dibenarkan untuk beroperasi di zon 2. Di sebelah tepi bahagian hadapan dan di tepi kiri dan kanan bilik pandu serta atap bilik pandu ditulis nombor kawasan zon dengan saiz tinggi huruf 60 cm, lebar huruf 20 cm dan tebal huruf 10 cm warna putih.
7. Nakhoda yang membawa kapal mestilah :-
  - 7.1 Mempunyai Sijil Memandu Nakhoda Kapal iaitu; Sijil Kecekapan Memandu Kelas 9 yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengan nya yang diakui oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam.
  - 7.2 Mestilah boleh berbahasa Melayu atau Inggeris.
8. Tidak boleh menangkap ikan di kawasan-kawasan antara daratan dengan garis hijau di peta perikanan (zon 1) atau 3 batu nautika daripada pantai yang berdekatan dan sejauh 1 batu nautika dari paip-paip dan struktur-struktur minyak dan gas. Tindakan tegas di bawah Perintah Perikanan, 2009 akan diambil terhadap mana-mana kapal pukot tunda yang didapati melanggar syarat ini seperti berikut :-

### 8.1 Kesalahan Pertama

Diambil tindakan kompaun dengan denda \$1,000.00 dan lesen pukut tunda berkenaan akan dibatalkan selama 3 bulan. Penyambungan semula lesen berkenaan akan dikenakan bayaran \$200.00 ATAU jika gagal membayar denda kompaun, lesen pukut tunda kapal berkenaan akan dibatalkan selama 5 bulan. Penyambungan semula lesen berkenaan akan dikenakan bayaran sebanyak \$200.00 seperti yang dikehendaki di bawah Perintah Perikanan, 2009 ATAU kedua-duanya sekali.


### 8.2 Kesalahan Kedua

Diambil tindakan kompaun dengan denda \$1,000.00 dan lesen pukut tunda berkenaan akan dibatalkan selama 6 bulan. Penyambungan semula lesen berkenaan akan dikenakan bayaran sebanyak \$200.00 ATAU jika gagal membayar denda kompaun, lesen pukut tunda kapal berkenaan akan dibatalkan selama 12 bulan. Penyambungan semula lesen berkenaan akan dikenakan bayaran sebanyak \$200.00 seperti yang dikehendaki di bawah Perintah Perikanan, 2009 ATAU kedua-duanya sekali

### 8.3 Kesalahan ketiga

**Lesen pukut tunda dan peruntukan lesen ditarik balik.**

9. Peta-peta perikanan dan peta-peta lain yang berkenaan mestilah sentiasa ada dibawa di atas kapal.
10. Kapal mestilah bertambat dan menjalankan perusahaan dari Kompleks Pendaratan Ikan Muara atau Pusat Perikanan Belait dan mendaratkan semua hasil-hasil tangkapan di Kompleks tersebut seperti yang telah ditetapkan oleh Pengarah Perikanan.
11. Mematuhi Perintah Perikanan, 2009 dan peraturan-peraturan Negara Brunei Darussalam yang ada.
12. Pemegang lesen mestilah mematuhi **“Manual Of Brunei Darussalam On Hygiene Requirement (s) For Fishing Vessels and Landing Sites”**.
13. Sais mata pukut di tempat perhimpunan ikan-ikan tangkapan iaitu candik atau lundu ("cod-end mesh size") tidaklah boleh kurang (kecil) dari 51 mm apabila ditarik (stretched) dan dibentuk menjadi empat segi dengan mengambil kira kaedah pemotongan " All bar" pada bahan pukut berkenaan seperti rajah di bawah ini.



14. Nakhoda kapal mestilah mengisi buku catatan penangkapan ikan yang disediakan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi setiap tangkapan. Buku tersebut boleh diperolehi di Kompleks Pendaratan Ikan Muara dan mestilah dikembalikan ke tempat tersebut pada tiap-tiap penghujung bulan, seterusnya untuk mengambil buku yang baharu untuk kegunaan bulan yang berikutnya.
15. Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberikuasa mestilah dibenarkan untuk menaiki atau memeriksa kapal pada bila-bila masa.
16. Nakhoda kapal dan anak-anak kapal mestilah memberikan maklumat-maklumat setiap kali ianya dipinta oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberikuasa.
17. Pengarah Perikanan berhak membatalkan lesen yang sudah dikeluarkan jika didapati kapal berkenaan tidak beroperasi selama 3 bulan berterusan.
18. Peruntukan kebenaran bagi lesen kapal pukat tunda dasar laut Syarikat ini akan ditarik balik jika tidak beroperasi atau tidak dilesenkan dalam tempoh 6 bulan.
19. Pemilik kapal mestilah memindahkan kapal tersebut daripada kawasan Kompleks Pendaratan Ikan Muara atau Pusat Perikanan Belait jika peruntukan kebenaran bagi lesen kapal berkenaan ditarik balik.
20. Kapal yang berdaftar dan berlesen alat perikanan di Negara ini tidak boleh memiliki lesen alat perikanan di negara-negara lain. Jika didapati, lesen alat perikanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan dibatalkan.
21. Lesen bagi peralatan menangkap ikan ini tidak boleh digunakan untuk menangkap apa jua jenis spesies ikan Yu. Sekiranya tertangkap, semasa melakukan operasi penangkapan ikan, ia mestilah dilepaskan semula dengan serta merta.

22. Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa kesemasa.

**Saya dengan ini adalah bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Syarikat : \_\_\_\_\_

No kad pengenalan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Bilangan lesen : \_\_\_\_\_

**Diluluskan oleh Pegawai Yang Diberikuasa :**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

